

10 NOV 2000

Samy-Lunas

CALON DUN LUNAS ANAK KELAHIRAN KEDAH

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- MIC, yang yakin dapat mengekalkan kerusi dewan undangan negeri Lunas, akan meletakkan seorang ahli politik kelahiran Sungai Petani, Kedah "yang matang dan berumur dalam lingkungan 50-an" untuk mempertahankan kerusi itu, kata presiden parti Datuk Seri S. Samy Vellu.

"Calon itu mempunyai semua ciri-ciri yang diperlukan untuk menjadi seorang pemimpin yang baik...dia juga telah memegang beberapa jawatan penting dalam MIC Kedah," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat tergepang Jawatankuasa Kerja Pusat parti itu di ibu pejabat parti di sini hari ini.

Beliau berkata MIC telah menyenaraikan tiga calon untuk kerusi itu tetapi akan mencadangkan "calon berkenaan" kepada Perdana Menteri dan presiden Barisan Nasional (BN) Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Samy Vellu, yang akan menemui Dr Mahathir petang ini untuk menetapkan calon itu, berkata pengumuman mengenai calon itu akan dibuat sama ada oleh Dr Mahathir atau Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dalam sedikit masa lagi.

Beliau berkata MIC akan memulakan kempenya untuk kerusi DUN itu, yang mempunyai 24,481 pengundi, esok selepas beliau melancarkan pusat operasi pilihan raya kecil parti itu di Lunas.

Beliau berkata parti itu yakin dapat mengekalkan kerusi itu berikutan sokongan yang kuat bagi BN di kawasan itu.

"Kawasan pilihan raya Lunas mempunyai 19 pusat pengundian dan berdasarkan kepada keputusan pilihan raya 1999, 14 daripada pusat pengundian itu berpihak kepada kita manakala dua berada dalam zon bahaya dan dua lagi tidak memihak kepada sesiapa," katanya.

Kerusi DUN Lunas kosong berikutan penyandangannya Dr Joe Fernandez ditembak mati oleh lelaki bersenjata di Bukit Mertajam minggu lepas.

Kawasan itu mempunyai 43.4 peratus pengundi Melayu, 37 peratus Cina, 19.1 peratus India dan 0.5 peratus bangsa lain.

Dalam pilihan raya umum yang lalu, Dr Fernandez memperolehi 9,760 undi untuk menang dengan kelebihan 4,700 undi. Beliau mengalahkan M. Kathiravelo dari DAP yang memperolehi 5,060 undi dan dua calon bebas Ibrahim Md Rashidi dan N.Letchumanan yang masing-masing mendapat 2,158 undi dan 87 undi.

Samy Vellu berkata MIC akan menggerakkan kira-kira 1,000 pekerja parti dari pergerakan pemuda dan wanita untuk berkempen dalam pilihan raya kecil Lunas.

"Saya akan turut berjumpa pengerusi dan setiausaha bahagian dan cawangan MIC untuk memberi taklimat mengenai pilihan raya kecil itu dan apa yang diharapkan daripada mereka," katanya.

Beliau berkata pilihan raya kecil itu bukan sahaja penting bagi MIC tetapi juga bagi BN.

-- BERNAMA

SR ZS AKD